

06 OCT 2001

SISTEM ELEKTRIK DALAMAN PWTC BUKAN DALAM BIDANG KUASA TNB

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Tenaga Nasional Bhd (TNB) hari ini berkata bekalan elektrik ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini adalah normal walaupun beberapa bahagian di PWTC mengalami gangguan bekalan semalam.

Dalam satu kenyataan di sini, TNB berkata pasukan pengurusan bangunan PWTC mempunyai bidang kuasa terhadap operasi dan penyenggaraan sistem elektrik dalaman PWTC.

"Sebagai maklumat umum, TNB mengesahkan terdapat gangguan bekalan di beberapa bahagian di PWTC semalam pada 5.30 petang.

"Kami ingin memaklumkan bahawa bekalan ke bangunan berkenaan dipulihkan pada 7.10 malam oleh pasukan pengurusan bangunan PWTC yang mempunyai bidang kuasa terhadap operasi dan penyenggaraan sistem elektrik dalaman PWTC," kata TNB sebagai mengulas laporan akhbar mengenai gangguan bekalan elektrik itu.

TNB berkata pekerjaannya membantu pasukan PWTC semasa tempoh itu.

Akhbar hari ini melaporkan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional, menggunakan tangga untuk turund dari tingkat 39 Menara Dato' Onn apabila gangguan bekalan elektrik itu menyebabkan lif tidak dapat berfungsi.

-- BERNAMA

NJ AZZ NAK